



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**10 Oktober 2024
07 Rabiulakhir 1446H**

Utusan Malaysia	• Penguat kuasa tujuh agensi KPKM digabung
Berita Harian	• Reformasi memacu keterjaminan makanan • KPKM umum reformasi radikal sector agromakanan negara
Harian Metro	• Dua bot nelayan Vietnam ditahan
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	• Ministry goes big on reforms
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL		1-2	10.10.24

Penguat kuasa tujuh agensi KPKM digabung

Oleh **MOHD. HUSNI MOHD. NOOR**
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan menggabungkan penguat kuasa tujuh agensinya di bawah satu bumbung bagi memperkukuh kawal selia sektor agromakanan.

Tujuh agensi yang terlibat ialah Kawal selia Padi dan Decas (KIPB), Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan

Bagi perkukuh kawal selia agromakanan, bendung ketirisan

Malaysia (MAQIS); Jabatan Pertanian Malaysia (DOA); Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS);

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF); Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, apabila digabungkan, keanggotaan penguatkuasaan bagi sektor agromakanan negara akan mencecah seramai 2,030 orang dan berkuasa mengawal keseluruhan 14 akta di bawah KPKM.

Beliau berkata, cadangan itu akan dibawa kepada perna-

tian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam satu mesyuarat pada 1 November ini.

"Penggabungan penguat kuasa itu akan membantu KPKM merealisasikan reformasi yang dibuat sekali gus memastikan penguatkuasaan berjalan dengan lebih optimum agar isu ketirisan, penyeludupan dibendung dengan lebih efektif.

Bercabung di muka?

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL			2	10-10-2024



MOHAMAD Sabu (dua,kiri) menerima buku senarai Semak Kecemerlangan Pengurusan Kewangan PTJ (KPKM) daripada Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Seri Isham Ishak dalam Majlis Perhimpunan Bulanan (KPKM) Tahun 2024 di Putrajaya, semalam.

Penguat kuasa tujuh agensi KPKM digabung

Dari muka 1

"Reformasi yang sedang diusahakan ini bukanlah kerana ada agenda politik, tetapi ia dilakukan untuk kebaikan dan masa depan industri," katanya kepada pemberita selepas perhimpunan bulanan KPKM, di sini semalam.

Mohamad berkata, reformasi pentadbiran turut akan dilaksanakan di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dalam masa terdekat.

Beliau berkata, KPKM menjadi kementerian pertama yang menyahut seruan Perdana

Menteri untuk melaksanakan agenda reformasi perkhidmatan awam melalui penggabungan penguatkuasa di bawah KPKM," katanya.

Menurutnya, penggabungan keanggotaan penguatkuasaan itu tidak membabitkan implikasi kewangan dan hanya membabitkan pertukaran dalam-dalam.

Sementara itu, Mohamad berkata, sebanyak 32 cadangan dan inisiatif dikemukakan KPKM kepada Kementerian Kewangan (MOF) untuk dipertimbangkan bagi Belanjawan 2025.

Menurut Mohamad, semua cadangan itu penting bagi

memperkuhkan pengurusan rantai agro makanan negara sekali gus menjamin bekalan yang lebih tersusun dan berstruktur.

"Isu geopolitik dalam pertanian sering kali berkait rapat dengan kedaulatan negara, di mana kawalan terhadap sumber makanan dianggap lebih kritikal daripada aspek keselamatan fizikal.

"Dalam hal ini, KPKM menggalas tugas yang sangat besar bagi memastikan kecukupan dan keterjaminan makanan dalam negara tanpa perlu bergantung kepada sumber luar," katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL			10.10.2024

BeritaHarian
Diterbit sejak 1957
www.bharian.com.my

Reformasi memacu keterjaminan makanan

Penggabungan agensi

- 7 agensi digabung babit 2,030 anggota penguat kuasa dan 14 akta bagi bendung ketirisan, penyeludupan
- Agensi terbabit Kawalselia Padi dan Beras (KPB); Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS); Jabatan Pertanian Malaysia (DOA); Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS); Jabatan Perikanan Malaysia (DOF); Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Pengasingan kuasa

- Bertujuan mantapkan tindakan penguatkuasaan dan peraturan baharu untuk sektor padi dan beras negara
- Agensi terbabit Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Kawalselia Padi Beras (KPB) dan wakil kerajaan dalam Padiberas Nasional Berhad (BERNAS)

Peraturan baharu

- Peraturan Melarang Campuran Beras Putih Tempatan dengan Beras Putih Import diperkenalkan dalam masa terdekat
- Memperkenalkan asas pengiraan baharu Kadar Sara Diri (SSR) dan Penggunaan Perkapita (PCC) beras negara selaras piawaian Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mulai tahun ini.

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim → Nasional 4, 5

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL			4	10-10-2024

KPKM umum reformasi radikal sektor agromakanan negara

Penggabungan penguat kuasa, pengenalan peraturan baharu perkukuh kawal selia industri

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) semalam mengumumkan reformasi radikal sektor agromakanan negara, antara lain membabitkan penggabungan penguat kuasa dan pengenalan peraturan baharu.

Reformasi terbabit yang dirangka selepas melalui libat urus yang panjang dan lama dengan semua pihak berkaitan, bertujuan memperkukuh kawal selia sektor berkenaan dan akan turut menyaksikan pengasingan kuasa antara agensi.

Langkah yang dicadangkan, antara lain untuk memastikan keterjaminan bekalan makanan negara dan menjamin sumber pendapatan pengeluaran produk pertanian seperti padi membatik lebih 230,000 pesawah dan keluarga mereka.

Mengumumkan agenda itu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, menegaskan reformasi yang dirancang bukan kerana agenda politik, sebaliknya demi kebaikan dan masa depan industri.

Bagi sektor padi dan beras, beliau berkata, antara isu besar mengenai industri itu adalah kekurangan bekalan beras putih



Mohamad menerima buku senarai Semak Kecemerlangan Pengurusan Kewangan PTJ (KPKM) daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Isham Ishak pada Majlis Perhimpunan Bulanan KPKM di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

tempatan (BPT) di pasaran.

Katanya, pasukan petugas khas yang ditubuhkan sebelum ini sudah menyiasat, mengkaji dan memberikan cadangan untuk menyelesaikan isu itu dan empat langkah dicadangkan untuk mereformasi sektor terbabit.

"Langkah pertama, pemantauan tatakelola sektor padi dan beras, iaitu pengasingan kuasa di antara Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Kawalselia Padi Beras (KPB) dan wakil Kerajaan dalam PadiBeras Nasional (BERNAS).

"Ini akan segera dilaksanakan. Kita pecahkan mereka yang terbabit dalam hal industri padi supaya tidak ada tuduhan mengatakan dia (ketua unit) pakai 'satu topi buat dua tugas', kali ini 'dua topi dua tugas'.

"Ini telah melalui libat urus yang kita buat begitu panjang dan lama dengan semua pihak. Sekarang, pembangunan padi

dan beras serta bahagian penguat kuasa di bawah satu pengarah, sekarang kita nak asingkan," katanya.

Mengumumkan demikian pada Majlis Perhimpunan Bulanan KPKM di sini dan kemudian memperincikannya pada sidang media, beliau berkata, peraturan beras putih import (BPI) juga akan diperkenalkan.

"Pekeliling mengenainya akan dikeluarkan dalam masa terdekat," katanya menambah langkah ketiga adalah pelaksanaan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam melalui penggabungan penguat kuasa tujuh agensi di bawah KPKM.

Agensi itu adalah KPB, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Perikanan (DOF), Lembaga Pemasaran Per-

tanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Kita gabungkan ketujuh-tujuh agensi penguatkuasaan ini di bawah kita. Jadi kita akan dapat 2,030 penguat kuasa untuk membantu merealisasikan reformasi yang kita akan buat.

"Kita nak pastikan penguatkuasaan berjalan dengan lebih optimum, memastikan isu ketirisan dan penyeludupan dapat dibendung lebih efektif," katanya.

Reformasi pentadbiran

Langkah keempat, katanya, reformasi pentadbiran yang sedang dilaksanakan di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

"Reformasi diusahakan Kementerian bukanlah kerana agenda politik, tetapi untuk kebaikan dan masa depan industri padi serta beras negara. Kita ti-

dak boleh sewenang-wenangnya mengubah mana-mana dasar sedia ada," katanya.

Beliau menambah, agenda reformasi itu akan dibawa untuk perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada satu mesyuarat 1 November depan.

"Melalui langkah yang diambil, KPKM menjadi Kementerian pertama menyahut seruan Perdana Menteri untuk melaksanakan agenda reformasi perkhidmatan awam melalui penggabungan penguat kuasa di bawah Kementerian," katanya.

Mengenai pengeluaran BPT, beliau berkata, buat masa ini, ia hanya mampu membekalkan keperluan untuk 21 juta pengguna di Malaysia, manakala sebahagian diimport melalui BERNAS bagi menampung lebih 30 juta penduduk.

Menurutnya, KPKM juga memperkenalkan asas pengiraan baharu Kadar Sara Diri (SSR) dan Penggunaan Per Kapita (PCC) beras negara selaras piawaian Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN).

Menerusi kaedah baharu itu, katanya, KPKM menentukan asas pengiraan pengeluaran padi pada 2023 dengan mengambil kira jumlah padi bersih diproses menjadi beras, tidak termasuk untuk tujuan dijadikan benih pada tahun sama.

"Pengumuman lebih terperinci kaedah baharu pengiraan SSR beras negara akan diumumkan Jumaat ini," katanya.

Mengenai Belanjawan 2025, Mohamad berkata, KPKM mengemukakan 32 cadangan inisiatif kepada Kementerian Kewangan untuk memperkukuh pengurusan rantaian makanan bagi menjamin bekalan lebih teratur dan berstruktur.

JENIS AKHBAR										MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU					
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY					
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI					
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF			NEUTRAL				7	10-10-2024



KAPAL nelayan asing yang berjaya ditahan di kedudukan 132 batu nautika dari barat laut Tanjung Baram.

CEROBOH PERAIRAN NEGARA

Dua bot nelayan Vietnam ditahan

Kuching: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan dua bot nelayan Vietnam dalam operasi di perairan negeri ini, Sabtu lalu.

Pengarah APMM Sarawak, Laksamana Pertama Maritim Kamal Arrifin Jusoh berkata, kedua-dua bot terbabit ditahan selepas didapati bergerak dalam keadaan mencurigakan.

Menurutnya, penahanan itu dilakukan ketika bot APMM melaksanakan rondaan di kedudukan sekitar 132 batu nautika dari barat laut Tanjung Baram.

"Kedua-dua bot itu cuba melarikan diri, namun tindakan pantas berjaya

menghalang mereka sebelum berjaya ditahan pada jam 11.35 pagi dan 11.55 pagi Sabtu lalu.

"Pemeriksaan lanjut mendapati 10 kru yang ditahan termasuk tekong, adalah warga Vietnam berusia 30 hingga 66 tahun. Kesemua mereka didapati tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah," katanya.

Katanya, kesemua kru disiasat mengikut Akta Perikanan 1985, yang jika sabit kesalahan tekong boleh didenda sehingga RM1 juta, manakala kru pula boleh didenda RM100,000 atau penjara maksimum dua tahun.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	/	THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL		3	10-10-2024

PUBLIC SERVICE REFORM AGENDA

MINISTRY GOES BIG ON REFORMS

Ministry enforces 'separation of powers' to boost efficiency

MURADZIMMAH DAIM
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

THE Agriculture and Food Security Ministry's reform plan will implement a separation of powers of sorts for the Rice and Padi Regulatory Division, the Padi Industry Development Division (PIP) and Bernas.

Minister Datuk Seri Mohamad Sabu yesterday said some senior positions in these agencies were being held by the same people.

He said key positions would now be assigned to different people, allowing each to focus on his responsibilities.

"This change aims to eliminate

any perceptions of one person wearing many hats.

"We will ensure that distinct roles are held by different people," he said after the ministry's monthly assembly.

This initiative is part of the ministry's reform plan, aligning with the government's public service reform agenda.

Earlier, Mohamad announced that the Farmers Organisation Authority and National Farmers Organisation would undergo administrative reforms as part of the government's public service agenda.

He said an announcement on the details would be made soon.

"Padi is a strategic commodity that's not only a staple food, but also a source of income for 230,000 farmers and their families.

"Local rice can sustain 21 million consumers in Malaysia, while the population has exceeded 30 million people."

He said rice had to be imported through Bernas to address the



Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu (second from left) receiving a book from ministry secretary-general Datuk Seri Isham Ishak in Putrajaya yesterday. PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

supply issue.

He expressed his appreciation to Sarawak Premier Tan Sri Abang Johari Openg following the latter's announcement of a RM500 million allocation to boost rice production in the state under its 2025 Budget.

"The Sarawak government's commitment to ensure sufficient rice supply needs to be followed by other states.

"This is because efforts to improve rice self-sufficiency does not only lie with the ministry but also involves cooperation from other ministries, state governments and the private sector.

"I'm confident that the country will have sufficient rice supply in 10 years through efforts to reform the sector."

Included among the ministry's reform plans was for a single enforcement agency to be established to oversee the agro-food sector.

He said enforcement personnel from seven agencies would be consolidated into one team.

These included the Rice and Padi Regulatory Division, Malaysian Quarantine and Inspection Services Department, Agriculture Department, Fisheries Department, Federal Agricultural Marketing Authority, Fisheries Development Authority of Malaysia and the Veterinary Services Department.

This follows recommendations from the Special Integrated Task Force on White Rice Operations Enforcement.

There were about 2,030 enforcement personnel serving in these agencies.

"The shortage of local white rice is a pressing issue. The ministry is responding to the prime minister's call for public service reforms by merging enforcement teams under its jurisdiction."

He said the reform plan would boost padi and rice industries, adding that it was not a political agenda.

He added that the ministry would also introduce a ban on mixing local and imported rice.

Mohamad also said the ministry had submitted 32 proposals for the 2025 Budget to the Finance Ministry to strengthen the management of the food supply chain.